

APR-JUN 2019 EDITION

PERANGSANG

BULLETIN



Signing Ceremony: Proposed Acquisition Of Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd

Majlis Menandatangani: Cadangan Pengambilalihan Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd

14



6

Team Building 2019
"Team Building" 2019



16

Perangsang Selangor 42nd
Annual General Meeting
Mesyuarat Agung Tahunan
Perangsang Selangor Kali
Ke-42



26

Perangsang Selangor Aidilfitri
Open House 2019
Majlis Sambutan Rumah
Terbuka Aidilfitri 2019

Contents Kandungan



4
Islamic Finance Course:
Calculation of 'Faraid'
*Kursus Kewangan Islam:
Pengiraan Faraid*

6
Team Building 2019
"Team Building" 2019

8
Road Safety Awareness: Smart
Runner
*Program Kesedaran dan
Keselamatan Jalan Raya: Larian*

9
Sustainability Training And
Awareness Programme
*Program Latihan Dan
Kesedaran Kelastarian*

10
"Iftar Jamaie"
Iftar Jamaie

12
Public Talk: "Keagungan Al-
Quran Merentasi Zaman"
*Bicara Ad-Din: "Keagungan Al-
Quran Merentasi Zaman"*

13
Eco Free Market
Eco Free Market

14
Signing Ceremony Proposed
Acquisition of Toyoplas
Manufacturing (M) Sdn Bhd
*Majlis Menandatangani
Cadangan Pengambilalihan
Toyoplas Manufacturing (M)
Sdn Bhd*

16
Perangsang Selangor 42nd
Annual General Meeting
Mesyuarat Agung Tahunan
Perangsang Selangor Kali
Ke-42

18
Distribution of "Bubur Lambuk"
Programme
Program Agihan Bubur Lambuk

19
Road Safety Awareness
Programme (Cycling)
*Program Kesedaran
Keselamatan Jalanraya
(Berbasikal)*

20
38th "Qiamullail Perdana"
Qiamullail Perdana Kali Ke-38

21
"Khatam Quran" Ceremony
Majlis Khatam Quran

22
First Series of Zakat Distribution
*Majlis Agihan Zakat Siri
Pertama*

27
Submission of Business "Zakat"
2018
*Pembayaran Zakat Perniagaan
2018*

28
New Staff
Kakitangan Baharu

29
New Born
Kelahiran Baharu

Editor's Note Nota Pengarang

For the Second Quarter issue of 2019, there are interesting news and stories on Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("Perangsang Selangor") activities. The highlights in this issue are among others the Signing ceremony between Toyoplas Manufacturing Sdn Bhd and Perangsang Dinamik Sdn Bhd, 42nd Annual General Meeting, Team Building and Aidilfitri Open house 2019.

If you have any stories or events that you like to share, kindly e-mail us at info@kps.com.my in Microsoft Words format accompanied with high resolution photos. Editorial desk, would like to express our appreciation on your support.

Thank you and warm regards.

Untuk isu Penggal Kedua bagi tahun 2019, terdapat beberapa artikel yang menarik mengenai aktiviti Kumpulan Perangsang Selangor ("Perangsang Selangor"). Antara yang menarik di dalam isu kali ini Majlis menandatangi pengambilalihan Toyoplas Manufacturing Sdn Bhd oleh Perangsang Dinamik Sdn Bhd, Mesyuarat Agung Tahunan kali yang ke-42, "Team Building" syarikat dan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri 2019.

Jika anda mempunyai cerita atau acara yang anda ingin dikongsi bersama, sila e-mel kepada kami di info@kps.com.my dalam format Microsoft Words bersama gambar resolusi tinggi (jika ada). Kami, di redaksi ingin mengucapkan penghargaan di atas sokongan anda yang berterusan selama ini.

Terima kasih dan salam sejahtera.



Islamic Finance Course: Calculation of "Faraid"


Kursus Kewangan Islam: Pengiraan Faraid

1 April 2019 : Islamic Religious Department (IRD) of Perangsang Selangor organised the 11th series of Islamic Finance Course titled Calculation of "Faraid", presented by guest speaker, Ustaz Indera Shahril Mohd Shahid, Baitulmal Property Management Manager of Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Collectively, 28 staff attended the course aimed at providing basic knowledge in calculation and management of "Faraid".

Faraid is that section of the Islamic law that deals with the distribution of the property (assets and liabilities) of a deceased Muslim among his/her heirs in accordance with Allah's (God) decree in the Holy Quran and according to the hadith or tradition of the Messenger of Allah (peace be upon him).

The assets to be distributed to the heirs are the remainder after deducting the funeral expenses, the deceased debts (tithe, vows or nazar, etc) and "wasiat" that is allowed by the Islamic law or syarak.

11 April 2019 : Jabatan Hal Ehwal Islam (IRD) Perangsang Selangor telah menganjurkan Kursus Kewangan Islam siri ke-11 bertajuk Pengiraan Faraid. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Indera Shahril Mohd Shahid, Pengurus Bahagian Pengurusan Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Seramai 28 kakitangan telah menyertai kursus yang bertujuan untuk



memberi pengetahuan asas mengenai pengiraan dan pengrusan faraid.

Faraid adalah seksyen undang-undang Islam yang berkaitan dengan pembahagian harta (aset dan liabiliti) seorang Muslim yang meninggal dunia kepada pewarisnya dengan mengikut garis panduan daripada Al-Quran dan hadith.

Harta akan diberikan kepada pewaris selepas ditolak perbelanjaan pengebumian, hutang waris dan juga wasiat yang dibenarkan oleh undang-undang Islam atau syarak.





Team Building 2019

'Team Building' 2019

1 2-13 April 2019 : Perangsang Selangor through the Human Resource Development Department organised a Team Building' programme at Tanah Aina, Bentong Pahang, attended by 69 participants comprising senior management team, heads of department and staff. The main objective as to create awareness and instil the company's Core Values namely Pride, Respect, Integrity, Discipline and Extra-mile among all employees or "PRIDE".

Various activities were carried out to cultivate the spirit of teamwork, foster better engagement, and instil leadership skill amongst the staff. For instance, the night walk activity was held to test the physical and mental endurance, strength and courage of the participants while facing challenges and to instil confidence towards their own ability.

Safety briefings were also conducted to keep them alert and aware of any danger and potential risk before carrying out the physical activities. In addition, the programme was also designed to strengthen the relationship amongst staff by performing congregational prayers and 'Qiamullail'.

In conclusion, the 2-day programme has benefited all participants involved and this will be a useful lesson for all staff to practice in their daily working life.



1 2-13 April 2019 : Perangsang Selangor menerusi Jabatan Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan program 'Team Building' di Tanah Aina, Bentong, Pahang yang sertai oleh 69 peserta yang terdiri daripada Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan serta kakitangan. Objektif utama untuk mewujudkan kesedaran dan menanamkan nilai-nilai teras syarikat iaitu Pride, Respect, Integrity, Discipline dan Extra-mile di kalangan semua pekerja atau "PRIDE"

Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk memupuk semangat kerja sama dan kemahiran kepimpinan yang melibatkan kakitangan secara keseluruhannya. Sebagai contoh, aktiviti "night

walk" diadakan bagi menguji ketahanan fizikal dan mental, kekuatan dan keberanian para peserta semasa menghadapi cabaran dan memupuk keyakinan terhadap keupayaan mereka sendiri.

Taklimat keselamatan juga dilakukan untuk memastikan mereka sentiasa berjaga-jaga dan sedar tentang bahaya dan potensi risiko sebelum melakukan kegiatan fizikal. Di samping itu, program ini juga direka untuk mengukuhkan hubungan di kalangan kakitangan dengan melaksanakan solat berjemaah dan 'Qiamullail'.

Sebagai kesimpulan, program 2 hari telah memberi manfaat kepada semua peserta yang terlibat dan ini akan menjadi pelajaran yang berguna untuk semua kakitangan untuk berlatih dalam kehidupan sehari-hari mereka.



Road Safety Awareness: Smart Runner

Program Kesedaran dan Keselamatan Jalan Raya: Larian

4 May 2019 : The first series of Road Safety Awareness Smart Runner Programme under Perangsang Selangor Sustainability initiative was held at Dataran Kemerdekaan Shah Alam participated by a total of 26 participants. The programme was organised in collaboration with ST Budiman Resources and conducted by professional coach, Mohd Sabri Md Taib aimed to build a smart runner community by promoting awareness on road safety and providing exposure among running enthusiast through knowledge sharing session.



4 Mei 2019 : Siri pertama Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya (Larian) yang merupakan sebahagian daripada inisiatif kelastarian Perangsang Selangor telah diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam yang disertai oleh 26 peserta. Program tersebut dianjurkan dengan kerjasama ST Budiman Resources dan dikendalikan oleh jurulatih profesional, Mohd Sabri Md Taib. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan serta galakan kepada peminat acara larian dan juga berkongsi ilmu pengetahuan.



Sustainability Training And Awareness Programme

Program Latihan Dan Kesedaran Kelastarian

7-8 May 2019 : Investor Relations and Strategic Communication Department organised a Sustainability Training and Awareness Programme in addressing the Economic, Environment and Social ("EES") risks and opportunities in achieving the business and operational excellence both at corporate and subsidiary level. 78 participants from Perangsang Selangor and its subsidiary companies attended the training programme held at Acacia room 2 and 3, Plaza Perangsang.

Speaker from AGV Consultants Sdn Bhd, Datin Dr Vijayalakshmi who is a GRI Reporting Standards certified trainer, presented the concept of Sustainable Development, Sustainability Reporting, Bursa Malaysia Reporting Requirements and, Sustainability Initiatives and Sustainability Challenges.



7-8 Mei 2019 : Jabatan Perhubungan Pelaburan dan Komunikasi Strategik telah menganjurkan Program Latihan dan Kesedaran Kelastarian dalam menangani risiko dan peluang Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial ("EES") dalam mencapai kecemerlangan perniagaan dan operasi di peringkat korporat dan anak syarikat. 78 peserta daripada Perangsang Selangor dan anak-anak syarikatnya menghadiri program latihan yang diadakan di Bilik Acacia 2 dan 3, Plaza Perangsang.

Penceramah daripada AGV Consultants Sdn Bhd, Datin Dr Vijayalakshmi yang merupakan jurulatih yang berdaftar dengan Piawaian Pelaporan, membentangkan konsep Pembangunan Mapan, Pelaporan Kelestarian, Keperluan Pelaporan Bursa Malaysia.

"Iftar Jamaie"

Iftar Jamaie

8 May 2019 : Islamic Religious Department of Perangsang Selangor organised an 'Iftar Jama'e' (breaking of fast) at Kayangan Ballroom, Plaza Perangsang attended by 20 tahfiz students from Maahad Tahfiz Hafiz, Klang as well as 60 staff and their family members.

Encik Ahmad Fariz Hassan, Managing Director/Group Chief Executive Officer and Puan Suzila Khairuddin, Deputy Chief Executive Officer (Operations) also attended the event. The ceremony started with a Ramadhan Talk delivered by celebrity and independent preacher, Ustaz Muhammad Hafiz Mohd Haneefa (PU Hafiz) followed by presentation of donation to the Tahfiz students worth RM2,000. The Isyak and Tarawih congregation prayers were led by Ustaz PU Hafiz and the event concluded with prizes presentation to ten lucky draw winners.



8 Mei 2019 : Jabatan Hal-Ehwal Agama Perangsang Selangor telah menganjurkan majlis berbuka puasa ("Iftar Jama'e") bertempat di Kayangan Ballroom, Plaza Perangsang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh 20 pelajar tahfiz dari Maahad Tahfiz Hafiz, Klang serta 60 kakitangan bersama ahli keluarga.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Encik Ahmad Fariz Hassan, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai EKsekutif Kumpulan dan Puan Suzila Khairuddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi). Majlis telah bermula dengan Tazkirah Ramadhan yang telah disampaikan oleh celebriti dan penceramah bebas, Ustaz Muhammad Hafiz Mohd Haneefa (PU Hafiz) disusuli dengan penyampaian sumbangan duit raya kepada pelajar-pelajar tahfiz berjumlah RM2,000. Solat Isyak dan Tarawih telah diimamkan oleh Ustaz PU Hafiz, diikuti dengan penyampaian hadiah kepada sepuluh pemenang cabutan bertuah.



Public Talk: "Keagungan Al-Quran Merentasi Zaman"

Bicara Ad-Din: "Keagungan Al-Quran Merentasi Zaman"

17 May 2019 : Islamic Religious Department of Perangsang Selangor organised a Public Talk titled "Keagungan Al-Quran Merentasi Zaman" featuring celebrity speaker, Ustaz Harryanto Rizal Lokman. The talk was held at Perangsang Selangor Lobby attended by 178 Perangsang Selangor employees and Plaza Perangsang tenants.

Ustaz Harryanto explained about the greatness of the Qur'an that is still pragmatic and practical even through the change of time. The authenticity of the Qur'an is still being preserved by Allah Almighty despite several attempts to mislead it. Allah SWT assures the purity and authenticity of the Book of Allah as stated in Surah Al-Hijr verse 9:

"Indeed, it is We who sent down the Qur'an and indeed, We will be its guardian"



17 Mei 2019 : Jabatan Hal-Ehwal Agama Perangsang Selangor telah menganjurkan Tazkirah Pertama berjudul Keagungan Al-Quran Merentasi Zaman yang telah menampilkan penceramah selebriti, Ustaz Harryanto Rizal. Ceramah tersebut telah diadakan di Lobi Perangsang Selangor dan dihadiri oleh 178 kakitangan serta penyewa Plaza Perangsang.

Ustaz Harryanto menerangkan secara terperinci berkaitan kehebatan Al-Quran yang masih lagi sesuai walau pun melalui perubahan zaman dan masa. Keaslian Al-Quran masih lagi dijaga dan terpelihara walau pun terdapat beberapa cubaan untuk menyelewengkan Al-Quran seperti manfaat-kitab yang terdahulu tetapi Allah SWT memberi jaminan tentang penjagaan sebagaimana dinyatakan dalam surah Al-Hijr ayat 9:

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya."



Eco Free Market

Eco Free Market

17 May 2019 : Perangsang Selangor in collaboration with Eco Free Market (EFM), a non-governmental organisation and tenants of Plaza Perangsang namely Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Belia Sukan Negeri Selangor (JBS) and Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Negeri Selangor (JPPH) successfully organised an Eco-free Market at Plaza Perangsang Lobby.

The event was the first charity programme organised that involved tenants of Plaza Perangsang. The objectives of the event were to serve as a platform in promoting building tenants involve in charitable activities by distributing personal or unused essential items to the needy and less fortunate people for free. EFM is also a venue where community engagement took place. 15 booths were provided comprising of clothes, home accessories, books, electrical appliances, stationery and toys were distributed to approximately 200 beneficiaries from three (3) orphanage homes and underprivileged UiTM Shah Alam students.

17 Mei 2019 : Perangsang Selangor dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Belia Sukan Negeri Selangor (JBS) dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta Negeri Selangor (JPPH) telah menganjurkan "Eco Free Market".

Ini adalah program amal pertama kali yang melibatkan penyewa Plaza Perangsang. Objektif acara itu adalah untuk menjadi platform untuk menggalakkan penyewa bangunan melibatkan diri dalam kegiatan amal dengan pemberian barang keperluan peribadi atau tidak digunakan kepada orang



yang memerlukan dan kurang berasas baik secara percuma. EFM juga merupakan platform di mana interaksi bersama komuniti berlaku. 15 gerai disediakan terdiri daripada pakaian, aksesori rumah, buku, peralatan elektrik, alat tulis dan mainan diedarkan kepada kira-kira 200 penerima daripada tiga (3) rumah anak yatim dan pelajar UiTM Shah Alam yang kurang berasas baik.



Signing Ceremony: Proposed Acquisition Of Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd

Majlis Menandatangani: Cadangan Pengambilalihan Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd

17 May 2019 : Perangsang Dinamik Sdn Bhd, has entered into a conditional Share Sale Agreement with Toyoplas Consolidated Limited for the proposed acquisition of 100% equity stake in Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd and its subsidiaries for RM311.25 million. The acquisition, which is expected to be completed by the third quarter of 2019, requires vote of approval from Perangsang Selangor's shareholders, to be sought at an extraordinary general meeting which will be convened in 24 July 2019.

Overarching the proposed acquisition is the long-term prospect of the global plastic

injection moulding market, which was valued at USD326 billion in 2018 and is expected to expand at a CAGR of 5.7% through 2025. The growing demand for plastic components from various underlying industries including packaging, home appliances, automotive and medical devices is anticipated to sustain the growth.

Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd is involved in the plastic injection moulding business with an integrated capability from mould fabrication, precision injection moulding and secondary processes to full assembly of parts or products. A one-stop solutions provider to its clients, Toyoplas Manufacturing Malaysia operates from seven manufacturing plants of over 1,000,000 square feet across three countries, i.e. Shanghai, Dongguan and Nanning in China; Ulu Tiram, Muar and Senai in Malaysia; and Jakarta in Indonesia.

17 Mei 2019 : Perangsang Dinamik Sdn Bhd, telah memandatangi Perjanjian Jual Saham bersyarat dengan Toyoplas Consolidated Limited atas cadangan pengambilalihan 100% kepentingan ekuiti dalam Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd dan anak syarikatnya dengan harga RM311.25 juta. Pengambilalihan ini, yang dijangka selesai pada suku ketiga 2019, memerlukan undi kelulusan daripada pemegang saham Perangsang Selangor, yang akan berlangsung pada Mesyuarat Agung Luar biasa pada 24 Julai 2019.

Cadangan pengambilalihan ini adalah langkah jangka panjang syarikat dalam pemasaran plastik global, yang bernilai USD326 billion pada 2018 dan dijangka berkembang pada CAGR 5.7% menjelang 2025. Permintaan yang semakin meningkat bagi komponen plastik dari pelbagai industri termasuk



pembungkusan, peralatan rumah, automotif dan peranti perubatan dijangka dapat mengekalkan pertumbuhan.

Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd terlibat dalam perniagaan pengacuan plastik dengan keupayaan bersepada dari fabrikasi acuan, pengacuan ketepatan dan proses sekunder untuk pemasangan komponen atau produk lengkap. Toyoplas Manufacturing (M) Sdn Bhd beroperasi dari tujuh kilang pembuatan lebih daripada 1,000,000 kaki persegi di tiga negara, iaitu Shanghai, Dongguan dan Nanning di China; Ulu Tiram, Muar dan Senai di Malaysia dan Jakarta di Indonesia.



Perangsang Selangor 42nd Annual General Meeting

Mesyuarat Agung Tahunan Perangsang Selangor Kali Ke-42

23 May 2019 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad held its 42nd Annual General Meeting (AGM) at the Shah Alam 2, SACC Convention Centre, Shah Alam attended by 293 shareholders and 107 proxies.

Managing Director/Group CEO of Perangsang Selangor, Ahmad Fariz Hassan presented the latest update of the Group's financial performance, business activities and future business plan. He explained on how the Company managed the overall Group investment portfolio in ensuring sustainable business and financial growth. He added besides the manufacturing business, Perangsang Selangor also made positive progress in its business in the trading sector.

The AGM continued with the commencement of AGM proceedings chaired by Chairman, YM Raja Shahreen Raja Othman. Nine AGM Resolutions were tabled and approved by shareholders.



23 Mei 2019 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-42 di Shah Alam 2, Pusat Konvensyen SACC, Shah Alam yang dihadiri oleh pemegang saham 293 pemegang saham dan 107 proksi.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Perangsang Selangor, Ahmad Fariz Hassan telah membentangkan memperkembangan terkini prestasi kewangan Kumpulan, aktiviti perniagaan dan hala tuju syarikat. Beliau juga telah menjelaskan bahawa syarikat sedang giat mengusahakan perniagaan dan pelaburan yang berpotensi untuk memastikan pendapatan dan keuntungan masa depan Kumpulan dapat dipertahankan. Selain perniagaan pembuatan, Perangsang Selangor juga telah menunjukkan kemajuan positif dalam perniagaan dagangannya.

Mesyuarat bersambung dengan permulaan prosiding MAT yang dipengerusikan oleh, Pengurus, YM Raja Shahreen Raja Othman. Sebanyak sembilan Resolusi AGM dibentangkan dan telah diluluskan selepas mendapat kelulusan oleh pemegang saham.





Distribution of "Bubur Lambuk" Programme

Program Agihan Bubur Lambuk



23 May 2019 : In conjunction with the fasting month of Ramadhan, Perangsang Selangor through its Investor Relations & Strategic Communication department distributed 500 containers of 'bubur lambuk' (porridge) to the public including staff and tenants of Plaza Perangsang. The programme is part of Perangsang Selangor's Corporate Social Responsibility (CSR) initiative, which was officiated by Deputy Chief Executive Officer (Operations), Puan Suzila Khairuddin.

23 Mei 2019 : Bersempena dengan bulan Ramadhan, Perangsang Selangor melalui Jabatan Perhubungan Pelabur & Komunikasi Strategik telah mengagihkan 500 bubur lambuk kepada orang ramai termasuk kakitangan dan penyewa Plaza Perangsang. Program tersebut yang merupakan sebahagian inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) Perangsang Selangor yang telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Puan Suzila Khairuddin.

Road Safety Awareness Programme (Cycling) Program Kesedaran Keselamatan Jalanraya (Berbasikal)



24 May 2019 : As part of Perangsang Selangor's CSR initiative under Community Development, Perangsang Selangor organised a Road Safety Awareness Programme (Cycling) at Presint 9 Putrajaya in conjunction with Putrajaya Road Safety Carnival 2019. The event was conducted by ST Budiman, Perangsang Selangor appointed training provider.

The awareness programme was staged to promote the importance of road safety amongst the community. It was aimed to prevent injuries and accidents among cycling enthusiasts.

24 Mei 2019 : Sebahagian daripada inisiatif CSR Perangsang Selangor di bawah Program Pembangunan Masyarakat, Perangsang Selangor telah menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya (Berbasikal) di Presint 9 Putrajaya sempena Karnival Keselamatan Jalan Raya Putrajaya 2019. Program ini dikendalikan oleh ST Budiman, penyedia latihan lantikan Perangsang Selangor.

Program kesedaran ini diadakan untuk mempromosikan kepentingan keselamatan jalan raya dalam kalangan masyarakat. Ia bertujuan untuk mengelakkan kecederaan dan kemalangan dalam kalangan peminat berbasikal.



38th “Qiamullail Perdana” Qiamullail Perdana Kali Ke-38



2 4-25 May 2019 : The Islamic Religious Department of Perangsang Selangor organised the 38th ‘Qiamullail Perdana’ (prayer during the night) programme at De Palma Shah Alam, attended by 50 staff and family members. The programme began with an opening speech by Ustaz Khairunnajmi and continued with breaking fast and followed by Isya' and tarawih congregation prayers lead by Ustaz Mohd Idris Mohd Yusof, Imam of Masjid Hassanah, Bangi. The highlight of the programme was the Qiamullail, which started at 4.30am with hajat, tahajjud and witir prayers. The programme continued with "Sahur" followed by Fajar prayer and religious talk.

2 4-25 Mei 2019 : Jabatan Hal Ehwal Islam Perangsang Selangor yang diketuai oleh Ustaz Khairunnajmi Abd Jalil, telah mengadakan program Qiamullail ke-38 di De-Palma Shah Alam. Majlis tersebut telah dihadiri oleh 50 kakitangan dan ahli keluarga. Program tersebut telah bermula dengan ucapan pembukaan oleh Ustaz Khairunnajmi dan diteruskan dengan majlis berbuka puasa dan seterusnya solat Isya' dan tarawih secara berjemaah yang diketuai oleh Ustaz Mohd Idris Mohd Yusof, Imam Masjid Hassanah Bangi. Acara kemuncak iaitu program qiamulail seperti solat hajat, tahajjud dan witir telah bermula pada jam 4.30 pagi. Program diteruskan dengan jamuan sahur diikuti dengan solat dan kuliah Subuh.

“Khatam Quran” Ceremony Majlis Khatam Quran

3 1 May 2019 : 48 staff attended the 'Khatam Quran' (completion of Quran recitation) ceremony at Musolla Level 17, Plaza Perangsang organised by Islamic Religious Department. The event was officiated by Perangsang Selangor's Deputy Chief Executive Officer (Operations), Puan Suzila Khairuddin who also presented gifts to all participants.



3 1 Mei 2019 : Jabatan Hal Ehwal Islam Perangsang Selangor yang diketuai oleh Ustaz Khairulnajmi telah menganjurkan upacara 'Khatam Quran' di Musolla tingkat 17, Plaza Perangsang. Seramai 48 kakitangan telah menghadiri acara tersebut yang dirasmikan oleh, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perangsang Selangor, Puan Suzila Khairuddin yang turut menyampaikan hadiah kepada semua peserta.



First Series of Zakat Distribution

Majlis Agihan Zakat Siri Pertama

31 May 2019 : Perangsang Selangor organised the first series of Zakat Distribution Ceremony at Akasia Room 2 and 3, 17th Floor Plaza Perangsang. The ceremony commenced with an opening speech by Deputy Chief Executive Officer (Operations) of Perangsang Selangor, Puan Suzila Khairuddin followed by the presentation of zakat worth of RM68,400.00 to 28 "Asnaf" recipients (less fortunate and poor).

31 Mai 2019 : Perangsang Selangor telah mengadakan Majlis Agihan Zakat Perniagaan Perangsang Selangor bagi siri pertama di Bilik Akasia 2 dan 3, tingkat 17, Plaza Perangsang. Majlis telah bermula dengan ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perangsang Selangor, Puan Suzila Khairuddin dan diteruskan dengan penyampaian zakat kepada 28 penerima yang terdiri daripada asnaf Fakir dan Miskin berjumlah RM68,400.





SMK Dato' Harun Wins Dato' Mokhtar Dahari Charity Shield Cup 2019

SMK Dato' Harun Rangkul Piala Sumbangsih Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari 2019

19 June 2019 : In the opening match of Dato' Mokhtar Dahari Cup Football Championship 2019, SMK Dato' Harun, Tanjung Karang under-18 football team defeated SMK Tinggi Kajang with a 1-0 score line and bagged the Charity Shield Cup for the first time in 6th edition of the tournament. The Dato' Mokhtar Dahari Cup which began on June 15, 2019, saw 576 under-18 footballers took part in this year's tournament representing 32 teams from nine districts throughout Selangor.

The main goal of the tournament is to identify and unearth new football talents so that they can be groomed to higher level and

feature as state players thus, restore the glory of Selangor in the Malaysian football arena. The opening ceremony was officiated by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), YBhg Dato' Abdul Hamid Hussain and witnessed by Chairman of the Tournament, YDH Dato' Emran Kadir at MPAJ Stadium in Kuala Lumpur.

The 2019 edition of the tournament maintains participation of secondary schools from 10 district education offices throughout Selangor which have been elected through the District Schools Sports Council (MSSD) Championship which ended in early May.

19 Jun 2019 : Perlawanan pembuka tirai Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari menyaksikan pasukan B-18 tahun SMK Dato' Harun, Tanjung Karang telah berjaya menewaskan pasukan SMK Tinggi Kajang dengan jaringan satu (1) gol tanpa balas sekaligus merangkul Piala Sumbangsih buat julung kali pada edisi ke-6 kejohanan tersebut. Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari yang bermula pada 15 Jun 2019, menyaksikan 576 pemain bola sepak bawah 18 tahun yang mewakili 32 pasukan dari sembilan daerah seluruh Selangor berentap bagi merebut kejuaraan kali ini.

Matlamat utama kejohanan adalah untuk mengenal pasti dan mencungkil bakat baru pemain bola sepak remaja agar dapat



diketengahkan sebagai pemain negeri seterusnya mengembalikan kegemilangan pasukan Selangor dalam arena bola sepak Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), YBhg Dato' Abdul Hamid Hussain dan disaksikan oleh Pengerusi Kejohanan, YDH Dato' Emran Kadir bertempat di padang Stadium MPAJ, Kuala Lumpur.

Kejohanan edisi 2019 masih mengekalkan penglibatan sekolah-sekolah dari 10 pejabat pendidikan daerah seluruh Selangor yang telah terpilih melalui Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD).



Perangsang Selangor Aidilfitri Open House 2019

Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidlifitri 2019

27 June 2019 : The true meaning of Hari Raya is about building and maintaining good relationships amongst the shareholders. To this end, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad hosted the Aidilfitri Open House 2019 at Concorde Hotel Shah Alam. More than 900 stakeholders including business partners, associates, and Selangor State Agencies attended the event. Also present was, Selangor Menteri Besar, YAB Tuan Amirudin Shari, who presented Raya contributions to 30 orphans from Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bestari, Kampung Melayu Subang on behalf of Perangsang Selangor.

The event was accompanied by a ghazal performance from "Ghazal Seni Berzaman" group. Guest were served with plenty of raya dishes such as "nasi impit", "lemang", "rendang", "nasi briyani", grill lamb and many other great traditional platters.



27 Jun 2019 : Makna sebenar Hari Raya adalah membina dan mengekalkan hubungan silaturahim yang baik, justeru itu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka 2019 bertempat di Concorde Hotel, Shah Alam. Lebih daripada 900 pihak berkepentingan terutamanya rakan perniagaan, prospek dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor telah hadir memeriahkan majlis tersebut. Turut hadir, Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tuan Amirudin Shari dan telah menyempurnakan penyampaian sumbangan Hari Raya kepada 30 anak yatim daripada Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bestari, Kampung Melayu Subang.

Majlis ini juga diserikan dengan pertunjukkan ghazal dari kumpulan Ghazal Seni Berzaman dan disajikan hidangan yang menarik seperti nasi impit, lemang, rendang, nasi briyani, kambing golek dan juga pelbagai jenis juadah tradisional.

Majlis sambutan rumah terbuka ini adalah salah satu cara untuk memperkuat hubungan yang baik dengan rakan niaga, prospek dan Agensi Negeri Selangor. Ia juga dapat mengukuhkan persahabatan dalam kalangan semua kakitangan Perangsang Selangor.



Submission Of Business "Zakat" 2018

Pembayaran Zakat Perniagaan 2018

27 June 2019 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) and its subsidiaries made a Business 'Zakat' payment worth of RM1,118,724.81 for year 2018 to Lembaga Zakat Selangor at Concorde Hotel Shah Alam. YM Raja Shahreen Raja Othman, Chairman of Perangsang Selangor presented the cheque to Mohd Sabirin Mohd Sarbini, Head of Collections Division, Lembaga Zakat Selangor witnessed by YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor and Ahmad Fariz Hassan, Managing Director/Group Chief Executive Officer, Perangsang Selangor



27 Jun 2019 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) dan anak-anak syarikat telah melaksanakan pembayaran zakat perniagaan bernilai RM1,118,724.81 bagi tahun 2018 kepada Lembaga Zakat Selangor di Hotel Concorde Shah Alam. YM Raja Shahreen Raja Othman, Pengurus, Perangsang Selangor telah menyampaikan cek kepada Mohd Sabirin Mohd Sarbini, Ketua Division Kutipan, Lembaga Zakat Selangor sambil disaksikan oleh YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Ahmad Fariz Hassan, Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Perangsang Selangor.

New Staff Kakitangan Baru

2 April 2019 : Perangsang Selangor recently recruited Norazwa Mohd Akhib as Assistant Manager, Investor Relations & Strategic Communication. Norazwa was previously from Senai Airport City Sdn Bhd prior to joining Perangsang Selangor. She graduated from the University Technology Mara (UiTM) with Bachelor in BA (Hons) Retail Management.

2 April 2019 : Perangsang Selangor telah melantik Norazwa Mohd Akhib sebagai Penolong Pengurus, Jabatan Perhubungan Pelaburan & Komunikasi Strategik. Norazwa telah bertugas di Senai Airport City Sdn Bhd sebelum menyertai Perangsang Selangor. Beliau berkelulusan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan.



2 May 2019 : Perangsang Selangor recently recruited Qurratu Aini Aliah Abu Kassim as Assistant Manager, Strategic Planning & Investment. Aliah was previously from Mercury Securities Sdn Bhd prior to joining Perangsang Selangor. She graduated from the University of East London, United Kingdom with BA (Hons) Accounting & Finance.

2 Mei 2019 : Perangsang Selangor telah melantik Qurratu Aini Aliah Abu Kassim sebagai Penolong Pengurus, Jabatan Perancangan Strategik & Pelaburan baru. Aliah telah bertugas di Mercury Securities Sdn Bhd sebelum menyertai Perangsang Selangor. Beliau berkelulusan dari University of East London United Kingdom, dengan Ijazah Sarjana Muda Kewangan & Perakuanan.

New Born Kelahiran Baru

1 5 April 2019 : Najihah Othman from Risk Management Department delivered a 3kg baby girl named Aynur Fadlin Nazeeya Ahmad Faisal at SALAM Shah Alam Specialist Hospital. Aynur is Najihah second child. Congratulations.

1 5 April 2019 : Najihah Othman dari Jabatan Pengurusan Risiko telah melahirkan cahaya mata perempuan seberat 3kg yang bernama Aynur Fadlin Nazeeya Ahmad Faisal di Hospital Pakar SALAM Shah Alam. Aynur adalah anak kedua Najihah. Tahniah.



2 5 April 2019 : Nurliana Kamarudin from Finance Department delivered a 3kg baby girl named Amni Insyirah Zulhelme at SALAM Shah Alam Specialist Hospital. Insyirah is Nurliana's second child. Congratulations.

2 5 April 2019 : Nurliana Kamarudin dari jabatan Kewangan telah melahirkan cahaya mata perempuan seberat 3kg yang bernama Amni Insyirah Zulhelme di Hospital Pakar SALAM Shah Alam. Insyirah adalah anak kedua Nurliana. Tahniah.

CORE VALUES




PRIDE

Take pride of the jobs and Perangsang Selangor as an organization and commit to its success



RESPECT

Recognize the value of other people and accept differences




INTEGRITY

Integrity in our conduct is guided by responsibility and accountability




DISCIPLINE

Operate with team spirit guided by clear rules of work, discipline and healthy work life balance



EXTRA-MILE

Contribute to stakeholders' growth by "Going Extra Mile!"



KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD (23737-K)

16th-17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T : +603-5524 8400 F : +603-5524 8444 E : info@kps.com.my
W : www.perangsangselangor.com